

# Cara Mengundi How To Vote


Easy-Read Guide | Versi Mudah Baca



Persatuan Advokasi Diri OKU Bermasalah  
Pembelajaran Selangor & Kuala Lumpur

Ini ialah Panduan Mudah Baca untuk OKU pembelajaran yang merupakan pengundi kali pertama dan tidak pasti bagaimana cara mengundi.

This is an Easy-Read Guide for persons with learning disabilities who are first time voters and not sure how to vote.





# Sebelum mengundi / Before voting

Sebagai pengundi, pastikan diri anda:

1. Warganegara Malaysia
2. Berumur 18 tahun dan ke atas

As a voter, make sure that you are:

1. A Malaysian citizen,
2. Must be 18 years and above



# Sebelum mengundi / Before voting

Sila layari laman web Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) untuk menyemak status pendaftaran anda:  
<https://mysprsemak.spr.gov.my/semakan> (atau imbas kod QR di bawah)

1. Masukkan nombor kad pengenalan anda untuk daftar masuk.
2. Anda boleh menyemak:
  - a. Status pendaftaran anda
  - b. Kawasan mana yang anda akan mengundi

Please visit Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) website to check your registration status:

<https://mysprsemak.spr.gov.my/semakan> (or scan the QR code below)

1. Key in your identity card number to login.
  2. You can check:
    - a. Your registration status
    - b. Which Constituency\* you will be voting in
- \*Constituency – the area where you will vote for your member of parliament and ADUN



Scan QR code to check registration status

MAKLUMAT PERIBADI PEMILIH	
Nama Penuh	XXXX XXX XXX
No. Kad Pengenalan	XXXX XX XXXX
Tarikh Lahir	XX XX XX
Jantina	PEREMPUAN
MAKLUMAT PENGUNDIAN	
Pilihan Raya	PRU KE - 15
Pusat Mengundi	SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN DESA PERDANA
Saluran	6
Bilangan	2691
Masa Mengundi	08:00 AM - 06:00 PM
Masa Keluar Mengundi Yang Digalakkkan	08:00 AM - 10:00 AM
Hari Mengundi	19 NOVEMBER 2022

Sila catat nombor Saluran serta nombor Bilangan dan bawa ke Pusat Mengundi

# Langkah-langkah Pengundian / Voting process Steps

## Langkah 1/ Step 1

Apabila anda sampai ke pusat mengundi, pergi ke meja pendaftaran untuk menyemak Saluran/Bilik yang hendak dituju. Jika anda tidak pasti, ada pegawai polis atau sukarelawan yang ditugaskan untuk membantu.

When you reach the polling station, go to a registration table to check which Saluran/Room to go to. If you are not sure, there will be police officer or volunteers assigned to assist.



Image taken from The Edgemarkets.com from article "Special Report - GE15: Automatic registration of voters — not the youth — is the wild card" on October 24, 2022

## Langkah 2/ Step 2

Pergi ke Saluran (Bilik yang ditempatkan kepada anda) dan beratur.  
\*Jika anda mempunyai kad OKU, anda mungkin akan diberikan Saluran 1.

Go to the Saluran (Room that you are assigned to) and queue up.  
\*If you have OKU card you might be assign Saluran 1.



# Langkah-langkah Pengundian / Voting process Steps

## Langkah 3/ Step 3

Sila masuk ke tempat mengundi apabila dibenarkan oleh pegawai polis di pintu masuk.

Please go in to the voting station when you are allowed by the police officer at the entrance.



## Langkah 4/ Step 4



1. Sila tunjukan kad pengenalan (IC) kepada kerani pengundian pertama.
2. Tanggalkan facemask anda untuk menunjukkan muka.
3. Tunjukkan tangan anda kepada kerani pengundian untuk memeriksa tiada dakwat pada mana mana tangan.
4. Kerani pengundian akan memanggil nama dan nombor kad pengenalan anda.

1. Please show your IC to the 1st polling clerk.
2. Remove your facemask to show face.
3. Show your hands to the polling clerk to make sure there is no ink in the hands.
4. The polling clerk will call out your name and IC number.

# Langkah-langkah Pengundian / Voting process Steps

## Langkah 5/ Step 5

Pergi ke kerani pengundi yang ke-2 dan celupkan jari kedua tangan kiri ke dalam botol dakwat yang disediakan.

Go to the 2nd polling clerk, place the left hand second finger in the ink bottle.



## Langkah 6/ Step 6

Dapatkan kertas undi daripada kerani pengundian yang ke-3. Pastikan kertas undi anda tidak kotor atau koyak.

2 kertas undi akan diberikan (jika berkenaan) ketika mengundi  
a. untuk ADUN (Ahli Dewan Undangan Negeri)  
b. untuk Ahli Parlimen

\*Jika anda seorang pengundi di Kuala Lumpur, Putrajaya atau Labuan maka anda hanya mendapat 1 kertas undi sahaja.

Get the ballot paper from the 3rd polling clerk Make sure your ballot paper is not dirty or torn

2 ballot papers (if applicable) will be given out during voting:  
a. State seat  
b. Parliament seat

\*If you are a voter in Kuala Lumpur, Putrajaya or Labuan then you will get 1 ballot paper only.

# Langkah-langkah Pengundian / Voting process Steps

## Langkah 7/ Step 7

Pergi ke Petak Undi dan tandakan (X)  
pada calon pilihan anda.  
Pilih 1 calon sahaja.

Go to the Petak Undi and mark an  
(X) for the candidate of your choice.  
Pick only 1 candidate.



## Langkah 8/ Step 8



- Lipat kertas undi 2 kali.
- Letakkan kertas undi di dalam peti undi masing-masing bagi kerusi ADUN dan Parlimen.
- Fold your ballot paper 2 times.
- Put the ballot papers in the voting box respectively for State seat and Parliament seat.

# Jika anda memerlukan bantuan/ If you need support

Anda boleh mendaftar seorang ahli keluarga/ penyokong (berumur 18 tahun dan ke atas) untuk membantu anda mengundi.

Masuk ke dalam bilik, maklumkan kepada KTM (Ketua Tempat Mengundi) bahawa anda memerlukan bantuan untuk mengundi. Anda akan diberikan borang untuk diisi.

You can register a trusted family member(at least 18 years old and above) to assist you to vote.

Go into the room, inform the KTM (Ketua Tempat Mengundi) that you need assistance and he/she will pass you a form to fill in.



Helen membantu Anthony untuk mengundi.  
Helen is assisting Anthony to vote.



# Perkara yang patut dilakukan dan tidak patut dilakukan semasa hari Pengundian / Do's and Don'ts during Voting day




## Lakukan

- Semak tempat mengundi anda dalam talian terlebih dahulu
- Bawa kad pengenalan (IC) asal
- Pastikan jari anda bersih dan berpakaian sopan
- Pastikan kertas undi anda bersih (tiada kesan calitan dakwat atau koyak)
- Pastikan kertas undi anda mempunyai nombor siri dan cop yang diperakui

## Do's

- Check your voting venue online beforehand
- Bring your actual IC
- Make sure your fingers are clean and dress decently
- Make sure your ballot paper is clean (no ink smudge or got a tear)
- Make sure your Ballot paper has a serial number and certified stamp



## Jangan Lakukan

- Jangan memakai pakaian dengan sebarang logo parti
- Jangan bawa kertas undi keluar dari pusat mengundi
- Jangan menggunakan telefon bimbit ketika berada di dalam bilik mengundi
- Jangan melepak di bilik mengundi, keluar serta-merta selepas mengundi

## Don't's

- Do Not wear clothing with any party logo
- Do Not bring the ballot paper out of the polling station
- Do Not use mobile phone in voting room
- Do Not hang around at the voting room, leave immediately after voting

# Credits

Words and Interpretation by Renee Chan\*  
Supported by Yeong Moh Foong

\*member of United Voice

All images are sourced from the Internet  
or are taken at United Voice during a  
simulation exercise for members to  
practise voting

An initiative by United Voice



[www.unitedvoice.com.my](http://www.unitedvoice.com.my)